

03 SEP 1997

PM UMUM DANA RM60 BILION UNTUK SOKONG BSKL

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengumumkan penubuhan sebuah dana berjumlah RM60 bilion untuk menyokong naik Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Katanya wang itu akan digunakan untuk membeli saham di pasaran saham daripada rakyat Malaysia pada satu harga premium kepada harga pasaran.

Saham yang dipegang oleh pelabur asing bagaimanapun akan dibeli mengikut harga pasaran, katanya kepada para perwakilan yang akan menghadiri perhimpunan agung UMNO di sini mulai esok.

Tabungan untuk dana itu akan disumbangkan oleh Khazanah Nasional Bhd yang akan mengumpul RM30 bilion melalui terbitan bon manakala RM30 bilion lagi akan dikumpulkan oleh agensi-agensi lain, katanya pada satu persidangan berita kemudian.

Ditanya sama ada RM60 bilion mencukupi, Perdana Menteri berkata jika wang itu tidak cukup, lebih banyak akan dikumpulkan.

Dr. Mahathir berkata kerajaan telah mengambil langkah itu untuk membantu para pelabur yang menghadapi masalah akibat kejatuhan mendadak harga saham berpunca daripada manipulasi berterusan dalam pasaran saham dan pasaran matawang oleh orang asing.

Katanya sesetengah daripada masalah yang dihadapi para pelabur adalah berkaitan panggilan margin dimana nilai saham mungkin telah jatuh di bawah nilai yang disandarkan kepada bank sebagai cagaran untuk mendapatkan pinjaman.

Sebagai satu perbandingan, bila harga naik, nilai saham mungkin berada lebih 80 peratus di atas nilai yang disandarkan kepada bank.

Tetapi bila harga mulai jatuh, para pelabur akan menghadapi tekanan daripada bank untuk memenuhi perbezaan dalam nilai yang jatuh itu berbanding dengan nilai saham yang disandarkan.

Mengenai premium tersebut, beliau berkata ianya perlu diputuskan... "walaupun dengan premium itu, ia masih berdaya untung untuk membeli saham kerana nisbah perolehan harga adalah baik."

Mengenai bagaimana pasaran akan bertindak balas, beliau berkata: "Kita akan lihat bagaimana ia bertindak balas, saya tidak tahu kerana pasaran itu agak aneh, bila syarikat berprestasi sebegitu baik, sahamnya boleh jatuh, mereka tidak berpandukan kepada fundamental...ini adalah satu perjudian."

Dr. Mahathir berkata bahawa Malaysia tidak bergantung kepada pihak asing untuk mengumpulkan wang itu, "kita akan kump[ul]kan wang itu secara dalaman dan kita akan mengatasi masalah itu dengan cara kita sendiri."

Perdana Menteri juga berkata banyak khabar angin sedang disebarkan termasuk timbalannya dan menteri kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, telah mengemukakan surat perletakan jawatan atau seorang tokoh bank ditahan kerana terlibat dalam kegiatan jualan pendek.

Semua itu adalah tidak benar, "semua khabar angin itu adalah bersifat hasat dengki," katanya. -- BERNAMA

AZZ/SJA SIA